



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: RM7000 lesap terpedaya Macau Scam
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 12 November 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 17

RM7,000 lesap terpedaya Macau Scam

Miri: Cemas diberitahu akaun banknya akan dibekukan, seorang penjawat awam kerugian RM7,000 selepas diperdaya sindiket penipuan Macau Scam. Lelaki berusia 26 tahun itu mendakwa dihubungi individu tidak dikenali ketika bertugas di pejabatnya di Jalan Tunku Abdul Rahman di sini, jam 12 tengah hari Jumaat lalu.